

## PROMOSI DEPOSIT TETAP DISEMBER 6-BULAN 2018

Dikemaskini pada 11 December 2018

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap 6-bulan Disember 2018 ” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 12 Disember 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana masing-masing (“Had Saiz Dana”) seperti yang diperuntukkan dalam jadual di bawah, mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Deposit Tetap (“FD”)	Had Saiz Dana
Deposit Tetap 6-bulan	RM4 Bilion

### TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

### KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru and sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap Hong Leong sepertimana ditakrif menurut Fasal 3 di bawah (“Akaun FD”) sertaan berikut yang merupakan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia dan bukan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
  - Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk sertaan dengan HLB / Hong Leong Islamic (686191-W) (“HLISB”) sebelum Tempoh Promosi.
  - Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan HLB / HLISB sebelum Tempoh Promosi.
  - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk **syarikat dan badan korporat**.
- Akaun FD sertaan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
  - FD Konvensional;
  - ‘Priority Banking Premium FD’;
  - ‘Senior Savers Flexi FD’; dan
  - ‘Junior FD’.
- Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
  - Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD (dimiliki oleh Pelanggan) yang baru dan sedia ada Pelanggan dan dibuka dengan HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”). Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD yang baru dan sedia ada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / HLISB; dan
  - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) HLB Pelanggan.
- Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
  - FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana akaun FD HLB / Deposit Tetap-i (“FD-i”) HLISB yang sedia ada;
  - Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
  - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”) atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

7. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucah kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

### **KAEDAH PROMOSI**

8. Pelanggan yang telah membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum (“Amaun Peletakan FD”) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam Akaun FD yang baru and sedia ada masing-masing bagi tempoh FD yang dinyatakan di bawah akan menikmati kadar faedah promosi seperti berikut (“Pelanggan Layak”):

<b>Pelanggan</b>	<b>Tempoh FD</b>	<b>Produk</b>	<b>Kadar Faedah Promosi FD</b>	<b>Kadar Faedah FD Efektif</b>	<b>Amaun Peletakan FD Minimum</b>	<b>Amaun Peletakan FD Maksimum</b>
Pelanggan Sedia Ada	6-bulan	FD Konvensional / 'Priority Banking Premium' FD / 'Senior Savers Flexi' FD / 'Junior' FD	4.35%p.a.	4.35%p.a.	RM10,000	RM2,000,000
Pelanggan Baru		4.30%p.a.	4.30%p.a.			

9. Amaun Peletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FD yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
10. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) yang dikekalkan dengan HLB di bawah nama Pelanggan Layak (“CASA Namaan”) bagi tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi daripada Amaun FD yang diletakkan di bawah Promosi ini.
11. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD Konvensional, ‘Priority Banking Premium FD’ dan ‘Junior FD’ akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap enam-bulan dan / atau pada tarikh matang. Bagi tempoh 6 bulan atau kurang, faedah dibayar pada tarikh matang. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi ‘Senior Savers Flexi FD’ akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
12. Apabila tarikh matang, Amaun pokok FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan dan / atau pada tarikh matang.
13. Bagi ‘Priority Banking Premium FD’, ‘Senior Savers Flexi FD’ dan ‘Junior FD’, pengeluaran separa FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja**. Walau bagaimanapun, jika baki dalam ‘Priority Banking Premium FD’, ‘Senior Savers Flexi FD’ dan / atau ‘Junior FD’ kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
14. Pengeluaran separa dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** adalah dibenarkan dalam tempoh FD Konvensional, tertakluk kepada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** minimum baki sahaja, untuk dikekalkan sehingga tarikh matang.
15. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian / pramatang berkuatkuasa daripada **1 Januari 2019** dan seterusnya, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang.
16. Amaun Peletakan FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

### **UMUM**

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;

- (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
  - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Sesawang HLB") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
  - (iv) faedah yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau faedah; dan
  - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
18. HLB berhak:
- (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlakanya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
  - (ii) membatalkan faedah yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun.
19. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
20. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB akan diutamakan.
21. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
22. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM**